

# 'Henti putar belit fakta isu kalimah'

Anwar tempelak  
PN-Tanjong  
Karang dakwa  
kenyataan  
kelirukan  
Dewan Rakyat

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan supaya setiap pihak berhenti daripada memutar belit fakta dalam soal berkaitan isu kalimah 'Allah', apatah lagi menggunakannya untuk menipu rakyat.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri ketika memperjelas dakwaan bahawa beliau mengelirukan Dewan Rakyat dengan mengeluarkan kenyataan berbeza dalam isu berkaitan kalimah 'Allah'.

Perdana Menteri turut menempelak Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (PN-Tanjong Karang), yang membangkitkan perkara itu di Dewan Rakyat kerana memutar belit fakta.

"Apa yang bertentangan (dimaksudkan Zulkafperi) ini? Nak putar belit, nak tipu rakyat ini sebab apa? Nak dapat keuntungan politik? Jangan dengan menipu," katanya ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQ) di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Zulkafperi bangkit

sebelum sesi PMQ bermula dan mempersoalkan mengapa usulnya bagi merujuk Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ditolak Speaker Dewan Rakyat.

Dalam usul mengikut Peraturan Mesyuarat 36(12) itu, beliau mendakwa, Anwar membuat kenyataan mengelirukan Dewan pada 23 Mei lalu apabila memaklumkan keputusan kerajaan menarik balik rayuan dalam kes kalimah Allah di mahkamah, sudah dirujuk pada Majlis Raja-Raja.

Beliau mendakwa, kenyataan berkenaan mengelirukan Dewan Rakyat kerana bertentangan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 7 Jun lalu, yang mencadangkan isu berkenaan dibawa ke Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada Ogos

**"Apa yang bertentangan (dimaksudkan Zulkafperi) ini? Nak putar belit, nak tipu rakyat ini sebab apa? Nak dapat keuntungan politik? Jangan dengan menipu"**

*Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri*

depan sebelum diangkat kepada Majlis Raja-Raja, Oktober ini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri sekali lagi mengulangi kenyataannya bahawa keputusan kerajaan menarik balik rayuan sudah dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, sebanyak dua kali.

"Memang dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong. Kali pertama ketika perjumpaan sehari sebelum itu (mesyuarat Kabinet) dan kemudian pada 7 Februari lalu di hadapan Jemaah Menteri.

"Dalam mesyuarat Jemaah Menteri, saya menelefon Yang di-Pertuan Agong mengenai keputusan baharu, iaitu nak merujuk kepada Majlis Raja-Raja dalam soal pindaan (peraturan)," katanya.

Menurut Anwar, dalam pertemuannya dengan Sultan Selangor, baginda berpendapat usaha untuk meminda peraturan berhubung penggunaan kalimah Allah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak perlu diteliti di MKI dan dipertimbang dalam Majlis Raja-Raja.

"Saya bersetuju dengan pandangan Tuanku. Baginda sebut tidak difikirkan ada masalah sama sekali kerana keputusan itu akan memperakui, keputusan Majlis Raja-Raja yang terdahulu dan diperkembangkan supaya tiada kekeliruan serta mempermudah tindakan badan penguatkuasaan," katanya.